

Akar Digital

COVID menyerang semesta dunia
membuka mata yang sekian lama alpa
membangkit diri yang sekian lama selesa

Universiti lama juga yang baharu
dihempas cabaran belajar cara baharu
kaedah yang sebelum ini dianggap kaku

Kaedah revolusi digital menjadi akar pilihan
dek kerana tiada lagi papan hitam dan rotan
semua lapisan berjuang agar terus menimba ilmu

COVID ibarat medan perang terbuka
kita diuji di setiap bidang dan arah
adakah jiwa merdeka jiwa pejuang?

Kini telah berlalu pertempuran
sudah terbukti kita juga mampu melepasi
tidak kekok malah lebar tersenyum syukur

Banyak onak berlalu pergi hari demi hari
gedung ilmu kini kembali berseri dipenuhi
rutin dahulu terpancar untuk dilaksana lagi

Sempena enam puluh tujuh tahun tanah Melayu bebas
kita bersyukur kita bangun kita dikurniakan nikmat
Merdeka! Merdeka! Merdeka!
kita laungkan bersemangat



Nukilan:
Profesor Ts. Dr. Hamdan Daniyal
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
Universiti Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

- 32 views

[View PDF](#)